

# Anugerah Seri Gemilang




Majlis yang penuh gilang gemilang ini telah diadakan pada 3 Mac 2006 lalu di Dewan Warisan, Kangar. DYMM Tuanku Canselor dan DYTMM Raja Puan Muda Perlis telah berkenan mencemar Duli berangkat ke majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan anugerah-anugerah kepada penerima. Di samping kehadiran oleh seluruh warga kerja KUKUM, majlis ini juga turut diserikan lagi dengan kehadiran Y.Bhg Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin dan Y.Bhg Dato' Prof. Hassan Said, Ketua Pengarah Pengurusan IPT yang mewakili YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Turut hadir ialah YBhg Rektor KUKUM, Pegawai-pegawai Utama Universiti dan juga pihak media.

Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2005 yang buat kali keempatnya ini diadakan bagi meraikan dan mengiktiraf warga kerja KUKUM yang telah menunjukkan prestasi yang cukup cemerlang di dalam perkhidmatan dan jawatan yang disandang mereka di sepanjang tahun 2005. Ia juga bagi menghargai jasa-jasa yang telah diberikan oleh individu atau pihak luar dan juga warga KUKUM sendiri dalam mengharumkan nama Universiti ini. Antara kategori anugerah yang disampaikan pada tersebut ialah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Penghargaan Khas dan Anugerah Kecemerlangan Sukan.

Buat pertama kalinya juga dalam sejarah penganjuran Anugerah Seri Gemilang KUKUM, Universiti telah menganugerahkan anugerah yang tertinggi kepada individu luar KUKUM yang telah banyak menyumbang idea dan tenaga seiring dengan misi dan visi KUKUM dalam memartabatkan imej universiti ini di persada pendidikan Negara. Anugerah tertinggi ini iaitu Anugerah Perdana Seri Gemilang KUKUM telah dianugerahkan kepada DYTMM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis. Baginda sememangnya teristimewa dan amat sinonim dengan pembangunan KUKUM serta aktif dalam bidang social dan kemasyarakatan.

Seramai 64 staf KUKUM, 10 individu dan 11 agensi luar telah menerima anugerah pada malam tersebut di mana 35 daripadanya adalah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Selain DYMM Tuanku Canselor dan DYTMM Raja Puan Muda Perlis anugerah-anugerah pada malam ini turut disampaikan oleh Y.Bhg Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin, Y.Bhg Dato' Prof. Hassan Said dan Y.Bhg Rektor KUKUM sendiri. Anugerah Seri Gemilang KUKUM ini turut diserikan lagi dengan persembahan hebat dari artis popular iaitu Ziana Zain dan juga persembahan kebudayaan dari warga KUKUM sendiri.



## **Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang:**

1. Khairul Nizar Ismail
2. Prof. Madya Dr. Uda Hashim
3. Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid
4. Prof. Madya Abdul Halim Abdul
5. Zuber Hj. Mohamad
6. Ir. Abdul Ghapar Ahmad
7. Hj. Huzili Hussien
8. Phak Len a/l Eh Kan
9. Sanna Taking
10. Zulkifli Abdul Rashid
11. Suhardy Daud
12. Haziah Abdul Hamid
13. Shah Fenner Khan Mohamad Khan
14. Jefri Efendi Mohd. Salih
15. Mohamad Hatta Musa
16. Mohamad Shabudin Mohd. Noor
17. Razli Ahmad
18. Aiza Jasmi
19. Norzaililah Zainoddin
20. Siti Noor Baba
21. Norakmal Abd. Karim
22. Mohamat Nasri Mat Isa
23. Noorhaslinda Ahmad Yani
24. Norhawa Mohd Yunos
25. Noozaki Zainal
26. Bahari Man
27. Chek Idrus Omar
28. Rosiswardi Rusli
29. Noriah Murahman
30. Nurfadzliana Mohd Yusof
31. Noramashita Ahmad
32. Rosmawati Abidin
33. Nor Azrah Mohamed
34. Mariayati Mat Isa
35. Halim Ismail